

Peniaga kecil mesti bayar balik pinjaman

UM 5 DEC 2002

PUTRAJAYA 4 Dis. — Para peniaga kecil harus lebih bertanggungjawab membayar balik pinjaman bagi mengembalikan kepercayaan bank-bank terhadap mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun kerajaan telah beberapa kali menasihati serta memaksa supaya memberikan pinjaman, bank-bank tetap enggan berbuat demikian kerana rekod pembayaran hutang yang buruk oleh peniaga kecil.

“Peniaga kecil perlu berpegang kepada janji mereka untuk membayar hutang.

“Yang jadi masalah ialah bank tidak percaya kepada peniaga kecil kerana mereka tidak bertanggungjawab, mereka berhutang (tetapi) tidak bayar dan mengambil ringan perkara itu (jadi) orang lain menjadi mangsa,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Kewangan bagi membanteras kegiatan ceti haram selepas rakaman amanat Hari Raya Aidilfitri di pejabatnya di sini, hari ini.

Isu ceti haram kembali mendapat perhatian selepas tiga beranak di Seremban mati membunuh diri Khamis lalu selepas dipercayai tidak tahan diganggu oleh ceti haram.

Laporan *Utusan Malaysia* pula mendapati dianggarkan sehingga 120,000 daripada 300,000 peniaga kecil di seluruh negara meminjam dengan ceti haram kerana prosedurnya yang jauh lebih mudah berbanding pinjaman bank.

Perdana Menteri berkata, walaupun Bank Negara Malaysia telah menasihati bank-bank supaya memberikan pinjaman kepada peniaga kecil, mereka berdegil untuk tidak berbuat demikian.

“Walaupun kadang-kadang duit itu diberi kerajaan tetapi mereka masih enggan kerana mereka lebih suka memberinya kepada syarikat-syarikat besar,” ujar Perdana Menteri.

Sementara itu, Gabungan Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) turut mengakui ada di antara peniaga kecil tidak membayar balik pinjaman bank serta pinjaman daripada beberapa agensi pinjaman yang disediakan untuk mereka.

Presiden GPPPKMM, Datuk Ramli Noraini berkata, perkara itu terjadi ekoran beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan dan bukan hanya disebabkan peniaga kecil terbabit degil untuk membayar.

“Saya tidak nafikan terdapat segelintir peniaga terbabit degil untuk membayar pinjaman mereka daripada bank tempatan dan menggunakan wang berkenaan untuk tujuan lain dan bukan sebagai modal pusingan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada tahun 90-an contohnya, ramai peniaga kecil tidak dapat membayar balik pinjaman disebabkan ada beberapa kempen untuk mereka mengindahkan gerai dan sebagainya.

Sebagai contoh kata beliau, peniaga kecil yang memperoleh pinjaman RM5,000 terpaksa berbelanja kira-kira RM3,000 untuk mencantikan gerai mereka.

Tambah beliau antara perkara yang perlu dilakukan termasuk membeli pinggan mangkuk baru dan pengubahsuaian gerai yang memakan belanja yang tinggi.

“Dan selebihnya tidak mencukupi untuk dibuat modal pusingan maka dengan itu pulangan daripada perniagaan tidak dapat diperoleh dan ada juga di antara mereka yang jatuh bangkrap,” katanya.

Kata beliau, pada masa itu juga syarat-syarat pinjaman terlalu longgar dan membuat peminjam terlepas daripada membuat bayaran.

“Tetapi bukan semua bersikap demikian, ada juga yang berusaha untuk membayar tetapi pulangan yang diperoleh masih tidak dapat melunaskan pinjaman mereka,” katanya.